

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU

TARIKH : 29 MAC 2018

SOALAN : NO. 20

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa ramai pelajar yang mendaftar untuk kursus di Kolej Komuniti Sarikei sejak dibuka. Berapakah pensyarah yang diadakan di sana dan berapa kos operasi sebulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 275 orang pelajar telah mendaftar di Kolej Komuniti Sarikei yang beroperasi pada tahun 2014. Dari jumlah tersebut, seramai 155 orang pelajar telah menamatkan pengajian dan 120 orang pelajar lagi masih dalam pengajian termasuk yang sedang menjalani latihan industri. Terdapat dua program pengajian yang ditawarkan iaitu program Sijil Kulinari serta Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian dengan 15 perjawatan pensyarah di Kolej Komuniti Sarikei.

Kolej Komuniti Sarikei menerima peruntukan sebanyak RM1 juta sehingga RM2 juta setahun untuk perbelanjaan pembayaran emolumen, perhubungan dan utiliti, sewaan, keselamatan, pembersihan dan lain-lain pengurusan pengoperasian.

2

SOALAN (21)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 MAC 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK
SENA]

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan ekoran laporan Bank Negara pada 15 Februari 2018 berkaitan dengan isu kekurangan rumah mampu milik di pasaran. Ini bertentangan dengan gembar gembur kononnya Kementerian telah berjaya mengisi pembinaan rumah mampu milik :-

- (a) berapa jumlah rumah mampu milik mengikut harga yang dinyatakan oleh Bank Negara berbanding dengan rumah mampu tengok yang berada di pasaran sekarang ini ekoran laporan Bank Negara; dan

- (b) berapakah harga rumah mampu milik yang ditetapkan Kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **penawaran RMM yang bernilai di bawah RM300,000.00 masih tinggi** kerana permohonan pinjaman perumahan bagi rumah yang berharga di bawah RM300,000.00 adalah rendah sehingga menyebabkan masih terdapat rumah di bawah RM300,000.00 yang tidak terjual. Perkara ini **berlaku disebabkan pihak pemaju telah membuat tapisan awal dan mengemukakan senarai pemohon yang layak sahaja kepada institusi kewangan untuk kelulusan pemberian pinjaman.**

Berdasarkan Bank Negara Malaysia (BNM) melalui portal *Housing Watch Website*, sehingga Julai 2017, peratusan permohonan pinjaman perumahan bagi rumah bernilai RM300,000.00 dan ke bawah adalah rendah iaitu 36.7% atau 140,724 permohonan berbanding permohonan pinjaman perumahan bernilai melebihi RM300,00.00 iaitu 63.3% atau 242,781 permohonan.

28

Oleh yang demikian, **kekurangan rumah mampu milik di pasaran adalah tidak benar** kerana masih terdapat rumah di bawah RM300,000.00 yang tidak terjual disebabkan oleh faktor akses kepada pembiayaan oleh bakal pembeli rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan kemelut tersebut ialah:

- i) **menetapkan harga siling bagi jualan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada RM300,000.00 seunit sebagai panduan kepada pembeli dan semua pihak yang terlibat dalam sektor perumahan negara;**
- ii) meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran melalui penyediaan perumahan awam dalam Program 1 Juta RMM menjelang tahun 2018. Terdapat beberapa agensi yang melaksanakan pembangunan RMM termasuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perbadanan PR1MA Malaysia

(PR1MA), Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan lain-lain agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri dan pemaju swasta. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak **450,619 unit rumah telah siap dan dalam pembinaan** manakala sebanyak **448,028 unit rumah masih di dalam pelbagai peringkat perancangan**; dan

- iii) memperkenalkan pelbagai skim pembiayaan bagi memudahkan pemilikan rumah, khususnya RMM, seperti Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit), Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Perumahan Belia (SPB) dan lain-lain lagi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018

26

SOALAN (22)

**PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 MAC 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM

SOALAN :

YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi ekonomi Malaysia sehingga kini dan situasi nilai mata wang serta apakah perancangan strategi bagi meningkatkan perkembangan hubungan dagang dengan China berjaya memperkuatkan ekonomi negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, prestasi ekonomi negara meningkat dengan lebih baik pada kadar 5.9% pada tahun 2017 berbanding 4.2% pada tahun 2016, dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh. Limpahan hasil eksport disumbang oleh permintaan luar negeri yang tinggi turut menyokong pertumbuhan tersebut.

Jumlah perdagangan pada tahun 2017 meningkat pada kadar 19.4% kepada RM1.77 trilion dan merupakan kadar tertinggi sejak 13 tahun yang lalu. Peningkatan jumlah perdagangan ini disumbang oleh pertumbuhan dua angka bagi eksport dan import masing-masing pada kadar 18.9% bersamaan dengan RM935.4 bilion dan 19.9% atau RM838.1 bilion pada tahun 2017.

Setakat 26 Februari 2018, kadar pertukaran Ringgit Malaysia pula mengukuh sebanyak 4.1% kepada RM3.90 berbanding AS\$1 sejak akhir 2017. Pasaran matawang asing kini lebih dipengaruhi oleh dasar fiskal dan monetari Amerika Syarikat serta harga minyak mentah dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan prestasi ekonomi negara China sangat memberangsangkan pada tahun 2017, negara perlu merebut peluang sepenuhnya ke atas momentum pertumbuhan ekonomi antara yang terbesar di dunia dengan meningkatkan hubungan ekonomi dengan China. Hubungan baik bersama China akan memberi kesan limpahan langsung terhadap ekonomi negara. Antaranya, mewujudkan akses pasaran yang lebih besar bagi ekport produk dan perkhidmatan negara serta meningkatkan aliran masuk pelaburan langsung. Selain meningkatkan daya saing industri, hubungan dua hala yang strategik juga berpotensi untuk memastikan pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti serta meningkatkan keupayaan domestik. Keadaan ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada semua pemain industri malah komuniti perniagaan secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari sudut ekonomi, hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala antara kedua-dua negara berada dalam kedudukan yang kukuh. Sehingga 2017, jumlah pelaburan langsung asing China ke Malaysia telah mencapai RM14.6 bilion. Ini turut disokong oleh pelaburan

langsung di luar negeri Malaysia ke China yang hampir mencecah RM7.4 billion. Dari aspek perdagangan pula, China kekal menjadi rakan dagang terbesar Malaysia selama sembilan tahun berturut-turut sejak 2009 dengan jumlah dagangan sebanyak 16.4% daripada jumlah keseluruhan dagangan negara pada tahun 2017. China merupakan destinasi eksport dan sumber import yang penting bagi negara, iaitu masing-masing berjumlah 13.5% daripada jumlah keseluruhan eksport dan 19.6% daripada jumlah keseluruhan import negara. Selain itu, peningkatan kedatangan jumlah pelancong China ke Malaysia turut menyumbang kepada pertambahan penerimaan bayaran dalam akaun perjalanan imbangan pembayaran.

Sehubungan itu, Kerajaan akan terus meningkatkan kerjasama dan mewujudkan manfaat bersama antara kedua-dua negara dengan menggariskan strategi yang khusus dan kaedah terbaik bagi memudahkan urusan perdagangan dan kerjasama pelaburan.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018